


*Selamat Hari Raya Aidil Adha*

Pengerusi dan Barisan Ahli Jawatankuasa Surau Al Ulum KD9, ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Adha kepada semua ahli kariah dan semua umat Islam seluruhnya. Semuga kita semua sentiasa dalam keberkatan dan rahmat Illahi.

**Zulhijjah & IdilAdha : Beberapa Isu & Hukum**

Oleh : Ust Zaharuddin Abd Rahman

Bulan Zulhijjah, khususnya sepuluh hari awalnya adalah merupakan peluang kedua selepas Ramadhan untuk umat Islam mendapatkan gandaan keredhaan, keampunan dan pahala amalan. Disebutkan oleh Nabi SAW : "Sebaik-baik hari di dunia adalah sepuluh hari itu" (Riwayat al-Bazzar ; Albani : Sohih). Allah SWT pula berfirman : "*Demi Fajar dan hari-hari yang sepuluh*" ( Al-Fajr:1). Majoriti ulama menyatakan hari sepuluh itu merujuk kepada hari pertama hingga sepuluh Zulhijjah dan bukannya sepuluh terakhir Ramadhan. (Zad Al-Ma'ad, Ibn Qayyim). Ia juga disebut oleh Nabi SAW dalam hadith lain : "*Tiada hari-hari yang lebih disukai oleh Allah SWT untuk hambanya memperbanyakkan amalan dari sepuluh hari ini*" (Riwayat Al-Bukhari).

Manakala amalan-amalan yang digalakkan sepanjang sepuluh awal Zulhijjah yang amat besar pahalanya ini antaranya :-

a) **Zikir** : Iaitu dengan memperbanyakkan zikir Subhanallah, Alhamdulillah, La ilaha illa Allah dan Allahu Akbar. Ia bersumber dari hadith riwayat At-Tabrani yang diakui sohih oleh Imam Al-Munziri. Allah SWT juga menyebut ertinya : "*Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu..*" (Al-Hajj : 28). In Abbas r.a mentafsirkan erti 'hari-hari tertentu' adalah sepuluh hari Zulhijjah ini dan inilah pendapat majoriti ulama jua.

b) **Berpuasa** : Amat digalakkan berpuasa pada satu hingga sembilan Zulhijjah bagi orang yang tidak menunaikan Haji. Hari Arafah (9 Zulhijjah ) pula adalah hari yang terbaik untuk berpuasa. Nabi SAW bersabda tentang kelebihan hari Arafah "*Tiada hari yang lebih banyak Allah membebaskan hambanya lebih dari hari Arafah*" (Riwayat Muslim). Nabi SAW juga bila ditanya tentang kelebihan berpuasa pada hari Arafah ini menjawab, ia menghapuskan dosa yang lalu dan tahun kemudiannya.

c) **Melakukan lain-lain amalan** seperti bersedqah, membaca Al-Quran, solat sunat dan lain-lain. Ia semuanya termasuk di dalam umum hadith yang menunjukkan ianya amat disukai oleh Allah SWT.

d) **Menjauhi maksiat** dan masa terbaik untuk memulakan tawbat bagi sesiapa yang masih berfikir-fikir dan menanggungnya. Amat bertentangleh jika umat Islam bersukaria dengan melampaui batas haram di hari yang amat agung di sisi Allah SWT ini. Bertawbatlah dengan sebenar-benar tawbat dan sedarilah bahawa hidup ini sementara dan seluruh keseronokannya adalah tipu daya semata-mata.

e) **Bertakbir** : Ibn Abi Shaibah menyebut bahawa `Ali KW menunjukkan bahawa permulaan *takbir* bermula sejurus selepas solat Subuh hari Arafah sehingga hujung waktu `Asar hari ketiga Tashriq.

**Fokus Khas Hari Raya Korban Surau Al Ulum KD9**

f) **Berkorban** : Allah SWT berfirman : ertinya : "dan berdoalah dan berkorban". Allah SWT juga menyebut :

وَمَنْ يُعْظِمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

Ertinya : "*Sesiapa yang membesarkan syiar Allah (berkorban) maka ia adalah dari tanda ketaqwaan hati*" (Al-Hajj : 32). Nabi SW pula menyebut :

ما عمل آدمي من عمل يوم النحر أحب إلى الله من إهراق الدم  
Ertinya : "*Tiadalah amalan anak Adam yang lebih disukai oleh Allah SWT pada hari kurban kecuali berkorban (dengan menyembelih binatang)*"

**Potong Kuku, Rambut & Hukum QURBAN**

Hukum berkorban adalah sunat muakkad (yang dituntut) bagi orang yang mempunyai lebihan dan kemudahan harta. Bagi menggandakan pahala korban, seseorang yang sudah berniat awal untuk melakukannya digalakkan menahan diri dari memotong rambut dan kuku. Ia berdasarkan hadith riwayat Muslim yang sohih.

Justeru, majoriti ulama dari mazhab Maliki, Syafie dan sebahagian Hanbali menyatakan makruh hukumnya bagi melanggarnya. Bagaimanapun ia tiadalah termasuk dalam kategori haram kerana Aisyah r.a pernah meriwayatkan bahawa beliau pernah menempah (menandakan dan membeli binatang) dan diniatkan untuk dilakukan Qurban, dan Aisyah r.a menyebutkan, tiadalah Nabi SAW mengharamkan apa-apa (semasa menunggu masa untuk menyembelih) sehinggalah sampai waktu sembelihan.

Justeru, harus memotong kuku tersebut dalam keadaan ia boleh mengganggu kesempurnaan wudhu dan lain-lain.

sambungan dari muka depan

Tidak harus juga berqurban hanya dengan mengeluarkan harganya atau daging lembu yang telah disembelih dari pasar lalu disedeqahkan atas niat Qurban. Tatkala itu, ia dianggap sedeqah biasa sahaja dan bukannya Qurban yang disyariatkan di hari raya Aidiladha. Pahala Qurban adalah jauh lebih hebat dari bersedeqah harganya sahaja. Ia adalah fatwa oleh majoriti ahli ilmu seperti Imam Abu Hanifah, Malik, Syafie, Ahmad dan lain-lain (Al-Majmu, 8/425 ; AL-Mughni, 9/436)

Adalah diingatkan agar meniatkan Qurban itu adalah kerana Allah SWT semata-mata, menurut sunnah Nabi SAW dan Nabi Ibrahim a.s dan bukannya untuk menyedeqahkan daging atau lain-lain niat. Firman Allah : *"Tiadalah Allah menginginkan daging dan darah binatang sembelihan itu tetapi (Allah SWT inginkan) ketaqwaan yang di dalam hati.* (Al-Hajj : 37)

Harus menurut majoriti ulama untuk berkongsi seekor lembu dengan dibahagikan kepada 7 bahagian atau seekor kambing berdasarkan hadith Nabi yang diriwayatkan oleh Jabir r.a. Adalah digalakkan juga untuk menyembelih sendiri (jika berkemampuan) atau menghadiri majlis sembelihan. Sebuah riwayat hadith pernah mencatatkan nasihat Nabi SAW kepada Fatimah yang ingin berqurban :

احضري أضحيته، يغفر لك بأول قطر من دمها

Ertinya : *"Hadirkanlah dirimu di waktu sembelihan, diampunkan bagimu dari titisan darah sembelihanmu yang pertama"*

### **Binatang Terbaik Untuk Kurban**

Yang terbaik adalah unta, diikuti oleh lembu, kerbau, kemudian biri-biri, kambing dan jika tidak mampu bolehlah 1/7 dari unta, lembu, kerbau. Yang terbaik sudah tentulah yang paling banyak dagingnya maka lebih ramai mendapat merasai dan manfaatnya.

### **Pembahagian Daging**

Daging qurban yang telah siap dilapah bolehlah di bahagikan sepertiganya kepada tuan rumah yang berqurban, sepertiga kepada faqir miskin termasuklah jirannya dan saudara mara dan sepertiga lagi bagi sesiapa yang memintanya. Ia berdasarkan firman Allah SWT : Ertinya : *"Dan makanlah ia, dan berikanlah ia kepada orang yang susah dan faqir."* (Al-Haj : 28) dan juga firman Allah : Ertinya *"Dan makanlah ia, dan berikanlah kepada orang yang memintanya dan yang tidak memintanya"* (Al-Haj : 36). Inilah yang dilakukan oleh Nabi SAW sebagaimana riwayat Ibn Abbas r.a dan Ibn Umar r.a.

Bagaimanapun adalah dilarang untuk memberikan tukang-tukang lapah dan penyembelih upah atas usahanya (iaitu dengan ditetapkan dari awal), bagaimanapun ia harus jika dia termasuk dari kalangan faqir miskin atau diberikan secara sukarela orang ramai sebagai hadiah. Tidak harus juga secara sepakat ulama bagi orang yang berqurban menjual samada daging, kulit, tulang dan lain-lain dari hasil qurbannya.

### **Berkorban atau Membayar Hutang**

Bolehkah seorang yang dibebani hutang bank dan rakan berkorban sekali setahun demi tawaran pahalanya?. Saya telah banyak mengulas berkenaan hutang dan pendirian Islam berkenaan.

Justeru, untuk menentukan keutamaan samada menjelaskan hutang atau melakukan ibadah kurban kita perlu melihat kepada jenis hutang, tempoh janji bayaran semula dan kemampuan orang yang berhutang.

Jika ia adalah dari jenis hutang yang telah terancang pembayarannya seperti hutang bank dan selepas ditolak semuanya masih ada baki 'excess', tatkala itu individu tersebut sewajarnya melihat dan memikirkan berkenaan hutang tidak rasmi dari individu lain atau rakan-rakan serta tempoh yang dijanjikan.

Jika tempoh langsaian hutang masih jauh dan diyakini pendapatan akan datangnya boleh menampung semuanya tanggungjawab wajib itu. Di ketika itu barulah ibadah kurban menjadi utama untuk dilaksanakan. Ia adalah amat jelas kerana ibadah kurban hanya sunat muakkad sahaja menurut majoriti mazhab mankala langsaian hutang dalam tempohnya adalah wajib.

Jika disebabkan oleh ingin berkorban sehingga menyebabkan rakan pemberi hutang pula 'TERKORBAN', hubungan persaudaraan 'terkorban', atau hingga menyebabkan pihak bank mengenakan penalti kerana lewat bayar, tidak wajar sama sekali untuk berkorban juga. Keutamaan tetap bagi pelangsaan hutang berbanding berkorban. Demikian pandangan ringkas saya.

### **Korban Oleh Organisasi & Syarikat?**

Ramai yang bertanya dan ramai juga yang melakukan amalan ini. Adakah sebuah syarikat boleh mengeluarkan budget tertentu untuk membeli dua puluh ekor lembu dan berkorban atas nama syarikat?

Jawab ringkas saya, tidak boleh ! ini adalah kerana ibadah kurban adalah ibadah yang dilakukan oleh individu tertentu atau untuk individu tertentu. Ia bukan untuk organisasi yang bukan manusia. Justeru, ia sebuah organisasi ingin melaksanakannya, ia MESTI menghadihkannya kepada mana-mana Pengarah atau kakitangannya.

Ketika itu kurban barulah sah dan ia menjadi kurban oleh individu yang ditentukan namanya sahaja dan bukan atas nama syarikat. Pihak syarikat terbabit boleh bergilir-gilir menghadihkan lembu tertentu dan bahagiannya DIHADIAHKAN kepada kakitangan secara spesifik UNTUK DILAKSANAKAN sembelihan atau kurban, pahala kurban akan hanya diperolehi oleh individu dan pihak organisasi pula (iaitu pemilik organisasi iaitu manusia) hanya mendapat pahala kerana 'menghadihkan' lembu atau bahagiannya kepada kakitangan sahaja.

Jika pihak syarikat tidak mahu mberbuat demikian, bermakna ia mestilah meletakkan secara specific 20 ekor lembu itu, untuk para lembaga penagarnya secara specific juga. Ia bukan atas nama syarikat tetapi individu.

### **Apakah Haji Akbar ?**

Nabi SAW menamakan hari sembelihan iaitu 10 Zulhijjah sebagai Haji Akbar. (Riwayat Abu Daud dengan sanad sohih : Ibn Qayyim dan Albani). Sayyidina Ali Abi Talib juga pernah ditanya tentang apakah itu Haji Akbar, beliau menjawab:

bersambungan di muka 3

## The attitude of the Prophet towards his family during Hajj

There are many examples, which show the Prophet's kindness to his family and relatives. However, it must be emphasized that the Prophet's household shared with the people what they learned from him. 'Aa'ishah was reported to have said to the Prophet : "I have heard what you told your companions, so I banned 'Umrah." [Muslim] If one studies the Hajj rituals carefully, one will find that the Prophet's household relayed a lot of rulings in this matter because they were the closest to him. Here are the most important facets of the manner of the Prophet towards them:

### 1. Teaching them how to perform the Hajj rituals

The Prophet did his best to teach his household the importance of the Hajj rituals, in order to make their worship correct and acceptable to Allaah. "I heard the Prophet saying," Umm Salaamah reported, "O Muhammad's household, recite Talbiyah with the intention to perform 'Umrah together with Hajj." [Muslim] He also told 'Aa'ishah when she menstruated before performing Tawaaf: "Do everything a pilgrim does, except Tawaaf around Al-Bait (the Ka'bah)." [At-Tirmithi] He also told Ughailama Ibn Abdul-Muttalib on the night of Muzdalifah: "Do not throw the Jamrah (pebbles) until sunrise." [At-Tirmithi]

### 2. Consoling and comforting them

The Prophet used to console his household in times of hardship. He would do what they liked provided that it followed Allaah's commands. The most important example is when he saw 'Aa'ishah crying because she could not perform 'Umrah on account of her menstruation. He comforted her and said: "Do not worry; you are a female and Allaah has preordained that all females should have this (menstruation); so be in your Hajj and pray to Allaah that it will be acceptable." "O Allaah's Apostle," she said, "my friends will return with both Hajj and 'Umrah while I will return with Hajj only." So the Prophet ordered Abdur-Rahmaan Ibn Abu Bakr to take her to Tan'eem (an area outside the sanctity of Makkah). There she recited Talbiyah with the intention to perform Umrah. [Al-Bukhaari]

### 3. Guarding them against sins

The Prophet was dedicated to purify his household from their sins and from any evil deeds they might have committed. He denounced and prevented any ill deed they might have contemplated, as when he prevented Al-Fadhl Ibn 'Abbaas from looking at the woman from the people of Khath'ami who came to ask the Prophet a question. [Muslim]

### 4. Encouraging them to do good deeds

The Prophet used to urge his household to do good deeds, as these would be in their provision for the Hereafter. For example, one day he passed by some of his cousins who were drawing water from the well of ZamZam for the people to drink. "Keep drawing water, Banu Abdul Muttalib! Had I not been afraid that other people would compete with you, I would have taken part in drawing water with you." [Al-Bukhaari]

### 5. Fending off temptation

Hearts may decay and minds may be distracted by temptation. When large numbers of men and women gather in the same place, opportunity becomes propitious for temptation, particularly that of women. The Prophet was concerned and very careful that his household might be prone to this type of incitement during the Hajj. For example, his wives veiled their faces when they were in Ihraam whenever there were men close by, but lifted their veils when the men had passed them by. [Al-Bukhaari]

The Prophet instructed his wives not to mix with men during Tawaaf, although both men and women were together during its performance as understood from the hadeeth narrated by Umm Salamah . She reported that the Prophet told her: "Perform Tawaaf behind the people on your camel back." [Al-Bukhaari] Another version says that the Prophet told her: "When the Dawn prayer has been announced, perform Tawaaf on your camel back while the pilgrims are offering their prayers," and so she did.

### 6. Being charitable to them

It is no exaggeration to say that the gentle attitude of the Prophet towards his household is indeed a form of charity. All his actions reveal how generous and magnanimous he was to them. Here are some examples:

The Prophet was keen on taking his entire household to perform the Hajj rituals with him, persuading those who were reluctant to go with him as in the story of Dhiba'ah. "I am in pain," she said, when the Prophet told her he wanted her to perform Hajj. "Perform Hajj provisionally and say: 'O Lord, I will end my Ihraam where You detain me.'" [As-Seerah Al-Nabawiyah]

### 7. Asking their help and employing them

The Prophet asked members of his household for help, and employed some of them. Here are some examples:

The Prophet asked his wife 'Aa'ishah to do garlands for his badanas (sacrificial camels), using some wool she had in Madeenah before he assumed Ihraam. [Ibn Maajah]

Ibn 'Abbaas narrated another example. He said, "Sitting on the back of his she-camel at Aqabah, the Prophet said to me, "pick up seven pebbles for me," and I did so." [Ibn Maajah]

The Prophet asked Ali to slaughter the rest of his badanas for him, and ordered him to give away the meat, hides and coverings to the poor as alms. [Al-Bukhaari]

Source: Al-jumu'ah

*sambungan dari muka 2*

*"la adalah hari sembelihan (iaitu haji raya pertama). (Riwayat at-Tirmidzi) dan menurut Ulama itulah yang dimaksudkan dalam ayat surat Taubah.*

Bagaimanapun sesetengah ulama membawakan hujah mereka mengatakan Haji Akbar itu adalah Hari Arafah. (Ahkam al-Quran, Jassas). Setengah ulama pula bersama sahabat seperti Ibn Abbas r.a dan Ibn Umar r.a yang menyatakan bahawa Haji Akbar itu adalah hari arafah yang jatuhnya pada hari Jumaat dan pahalanya disebut sebesar 70 kali pahala Haji biasa, la juga disebut oleh Imam al-Ghazzali, ini bermakna pada Haji Akbar, semua orang yang berada di Arafah akan diampunkan. la berdasarkan satu hadith yang diriwayatkan oleh Razin dalam Tajrid as-sihah, bagaimanapun Imam al-Munawi menolak hadith itu dengan hujah "tiada asalnya".

**Kesimpulannya :** terdapat sahabat mengatakan Haji Akbar itu adalah hari Arafah yang jatuh pada hari jumaat, mankala Ali k.w pula mengatakan ia adalah hari Qurban pada 10 Zulhijjah dan setengah yang lain pula menyebut ia adalah semua hari-hari wuquf di Mina ( hari Tasriq).

Akhirnya, adalah amat perlu dipastikan bahawa tarikh hari raya 'Idil Adha ini menurut ijthad pemerintah kerajaan Saudi bagi menyatukan umat Islam di seluruh dunia ( kecuali jika benar-benar sesebuah Negara itu mengikut rukyah), tanpa rukyah maka kiraan yang terbaik adalah dengan menuruti Saudi. Dengan itu, kekeliruan yang sering berlaku sebagaimana mencari Lailatul Qadar dan hariraya Idilfitri akan berterusan. wallahu 'alam

## Petikan Al-Quran/Hadith

"Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya." - Ali-Imran : Ayat 92

Qatadah r.a berkata Nabi s.a.w bersabda, "Bahawasanya puasa pada hari Arafah itu dapat menebus dosa dua tahun yang lalu dan tahun yang akan datang." - Hadis riwayat Muslim



### BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



**SOLAT SUNAT EIDUL ADHA DI AL-ULUM** – Sekali lagi, Solat Sunat Edul Adha akan dijalankan di Surau Al-Ulum KD9 pada tahun ini. Solat akan dilakukan pada Jam 08.30 pagi, ISNIN 10 Zulhijjah, 1429H bersamaan 8 Disember, 2008. Imam jemputan pada kali ini adalah Ust Abdi Syahrial dari University Malaya. Semua muslimin/muslimat dijemput hadir. Satu **Jamuan Hari Raya** akan diadakan selepas solat tersebut. Ahli-ahli kariah digalakan membawa sedikit juadah untuk tujuan tersebut.

**IBADAH QURBAN / AQIQAH.** Adalah dipelawa kepada semua Muslimin dan Muslimat Perjiranan Rimba Riang KD9 dan yang berhampiran serta anggota keluarga bagi menyertai ibadah Qurban/Aqiqah bagi tahun 1429H/2008M ini. Insa' Allah majlis Qurban sempena hari Raya Haji ini akan diadakan di Surau Al Ulum KD9 **selepas Solat Eidul Adha.** Sebanyak 3 ekor lembu akan dikorbankan pada tahun ini dan daging korban akan diedarkan ke perjiranan Seksyen 8 dan 9. Tuan-tuan yang berkelapangan dijemput sama untuk menjayakannya. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jawatan-kuasa berikut:

1. Dato' Jaafar Kamin (016-3015463) – No. 1 Rimba Riang 9/4
2. Sdr. Mohd Hasni Hashim (012-3086014) – No. 21 Rimba Riang 9/4
3. Sdr. Adnan Abdullah (019-2409378) – No. 22 Rimba Riang 9/2
4. Sdr. Hj Baharin Abd Mubin (019-2836010) – Setiausaha

Sementara itu, 5 lagi lembu korban dari Surau Al-Ulum KD9 turut dihantar ke perkampungan miskin dan pondok pengajian di Perak dan Kemboja.

**CERAMAH UMUM SEMPENA EIDUL ADHA** – Insa' Allah akan diadakan SELEPAS Solat Maghrib pada ISNIN 10 Zulhijjah 1428H bersamaan 8 Disember 2008 di Surau kita. Penceramah undangan adalah Al Fadzil Ust Kamal Nazmi. Semua muslimin/muslimat dijemput hadir.

**PENDAFTARAN AHLI KARIAH SURAU DAN MASJID KOTA DAMANSARA** – Pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengarahkan semua masjid di Negeri Seangor agar mendaftarkan semua ahli kariah masing-masing menjelang akhir tahun ini. Matlamat utamanya adalah bagi memastikan pemilihan Jawatankuasa Masjid yang dijadualkan pada bulan Januari 2009 dapat dijalankan dengan teratur dan tanpa sebarang masaalah. Justeru itu adalah diharapkan agar semua ahli kariah lelaki & perempuan yang berumur 18 tahun ke atas agar mendaftarkan diri dengan segera. Borang pendaftaran boleh didapati di Surau/Masjid atau mana-mana AJK Surau/Masjid. Borang yang lengkap hendaklah dikembalikan ke Surau/Masjid pada atau sebelum 11 Disember, 2008. Sebarang pertanyaan boleh dimajukan kepada Sdr Hj Mohd Ali Mungai, Pengerusi Surau Al-Ulum merangkap AJK Masjid Kota Damansara di talian 019-2682844.

**RAYUAN SUMBANGAN UNTUK TABUNG KEWANGAN MASJID KOTA DAMANSARA** – Sekali lagi pihak Masjid merayu kepada semua dermawan untuk memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan pengendalian masjid baru kita yang dianggarkan lebih kurang RM15,000 sebulan. Sumbangan boleh dimajukan ke tabung di masjid atau melalui Sdr Hj Mohd Ali Mungai, Pengerusi Surau Al-Ulum merangkap AJK Masjid Kota Damansara.

### Jadual Aktiviti / Pengajian (Disember '08) Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/12 (Isnin)	Ust. Hamzah	Tauhid
02/12 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon	Umum
03/12 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pelajaran)	Tafsir
04/12 (Khamis)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Yaasin/Tafsir
05/12 (Jumaat)	Ust. Mohd Amin Al-Buntari	Al-Jauhar
06/12 (Sabtu)	Ust. Ramadan (UIA)	Umum
07/12 (Ahad)	Ust Muhammad Meefah	Umum
08/12 (Isnin)	Ust. Mohd Kamal Nazmi	Umum
09/12 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis (Kelang)	Hadis Qudsi
10/12 (Rabu)	Ust Azizi Mat Daud	Feqah
11/12 (Khamis)	Prof Dr Abd Hayei Abd Shukur	Hadith
12/12 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman	Tauhid
13/12 (Sabtu)	Ust. Mohd Nizam Abd Kadir	Umum
14/12 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
15/12 (Isnin)	Ust. Haryanto Rizal Rokaman	Umum
16/12 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon	Hadith
17/12 (Rabu)	Ust Kamal Mahadi	Tafsir
18/12 (Khamis)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Yaasin/Tafsir
19/12 (Jumaat)	Ust Mohd Amin Al-Buntari	Al-Jauhar
20/12 (Sabtu)	Ust. Ahmad Al-Khauthari	Tafsir
21/12 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll	Tasauf
22/12 (Isnin)	Ust. Hamzah	Tauhid
23/12 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith
24/12 (Rabu)	Ust. Osman Kusnan	Kisah al-Quran
25/12 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadith
26/12 (Jumaat)	Ust. Kamaruddin	Umum
27/12 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Mohd Ali	Umum
28/12 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
29/12 (Isnin)	Ust. Adli Saad	Umum
30/12 (Selasa)	Ust. Khairi Al-Hafiz	Umum
31/12 (Rabu)	Ust. Mohd Nazri Din	Umum

#### Kuliah Khas HELWA

Rabu 8.30 pagi	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Tafsir
Jumaat 8.30 pagi	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw

#### Kuliah Suboh

06/12 (Sabtu)	Ust. Osman Khusnan	Sirah
07/12 (Ahad)	Ust. Khairi Al-Hafiz	Umum
12/12 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Umum
13/12 (Ahad)	Ust. Mohd Khairi Al-Hafiz	Umum
20/12 (Sabtu)	Ust. Mohamad Nizam	Umum
21/12 (Ahad)	Ust. Azizi Mat Daud	Feqah
25/12 (Khamis)	Ust. Irwan Fateha	Feqah
27/12 (Sabtu)	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
28/12 (Ahad)	Ust. Shakir Husin Khalid	Umum
29/12 (Isnin)	Ust. Mistahuddin	Umum

PERHATIAN : Jadual di atas tertakluk kepada perubahan, sila semak di Papan Notis surau untuk jadual terkini. Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diatitkan.

#### PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar Menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

– Biro Penerbitan & Penerangan